

Huraian Teras Nilai KASIH di SMTKK

K-Knowledge (Ilmu Pengetahuan)

Ilmu pengetahuan merupakan aset yang amat penting untuk berjaya dalam kerjaya. Dengan ledakan ilmu dunia kini, budaya ilmu dan pembelajaran seumur hidup adalah faktor utama pembentukan modal insan kelas pertama. Semua warga SMTKK harus rajin membaca, sanggup berkongsi ilmu dengan orang lain dan mempraktikkan ilmu yang dikuasai.

A-Appreciation (Penghargaan)

Semua warga SMTKK harus sentiasa menghargai ciptaan Tuhan, bersyukur dan berterima kasih terhadap sumbangan dan pengorbanan ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan. Warga SMTKK harus bersifat penyayang serta prihatin, sentiasa mengucapkan terima kasih dan disulami dengan senyuman manis. Semua warga SMTKK mesti menghormati perbezaan agama dan kebudayaan pelbagai kaum, sanggup berkhidmat masyarakat dan komuniti serta sentiasa berpandangan luas dan jauh bersesuaian dengan warga dunia (global players)

S-Skills (Kemahiran)

Semua warga SMTKK harus menguasai pelbagai kemahiran untuk memenuhi pasaran kerja yang semakin mencabar. Warga SMTKK harus berupaya memperbaiki peralatan keperluan sendiri dan rajin menjalankan aktiviti pelbagai kemahiran. Warga SMTKK mesti celik ICT, bijak menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta mahir berkomunikasi (intrapersonal dan interpersonal) sambil mempraktikkan pemikiran yang kreatif dan kritis.

I-Integrity (Keutuhan)

Semua warga SMTKK wajib bersikap patriotik, jujur, amanah, telus dan ikhlas. Warga SMTKK sentiasa menyayangi dan taat setia kepada negara dan keluarga, melaksanakan amanah-amanah yang diberi, menunaikan janji, bersama-sama mencegah amalan negatif serta konsisten dan berpegang teguh kepada nilai-nilai murni sejagat manusia. Semua warga SMTKK tidak patut memberi alasan-alasan kepada kelemahan atau kegagalan tetapi mampu mengubahnya dan bersedia memohon maaf jika timbul kesilapan.

H-Habits (Tabiat)

Pemantapan dalam diri semua warga SMTKK untuk meletakkan ibadah sebagai tunjang utama kecemerlangan hidup. Melalui ibadah, warga SMTKK akan sentiasa menjalani kehidupan yang sederhana yakni tidak membazir, mengamalkan gaya hidup sihat dengan mengutamakan kecergasan badan, keselamatan dan kebersihan diri dan persekitaran. Warga SMTKK juga sentiasa bertimbang rasa, tidak cepat marah dan saling bantu-membantu agar budaya persekolahan di SMTKK adalah mesra dan harmoni.

Chia Song Choy

Pengetua Cemerlang,

SMT Kuala Klawang,

71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan Darul Khusus